"Permohonan" bermaksud borang permohonan yang telah ditetapkan oleh Bank bagi Kad yang akan dikeluarkan mengikut terma-terma dan syarat-syarat ini.

"ATM" bermaksud mesin teler automatik atau mesin menggunakan kad yang menerima Kad termasuk tetapi tidak terhad kepada mesin-mesin milik Bank atau milik jaringan ATM MasterCard Worldwide.

"Saudagar Dibenar" membawa maksud mana-mana peruncit atau firma atau perbadanan orang lain yang selaras dengan suatu perjanjian saudagar bersetuju menerima atau menyebabkan peruncit-peruncitnya menerima Kad apabila dikemukakan dengan sempurna.

"Bank" bermaksud Public Bank Berhad (6463-H).

"Kad" bermaksud Kad Debit MasterCard PB yang dikeluarkan oleh Bank selaras dengan Perjanjian ini dan mana-mana penggantian atau pembaharuannya.

"Ahli Kad" bermaksud orang yang dinamai pada Kad dan hendaklah termasuk Ahli Kad Tambahan.

"Urus Niaga Kad" bermaksud Urus Niaga yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad.

"Baki Semasa" membawa maksud baki yang terdapat dalam Akaun selepas pemotongan bagi pembelian barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat oleh Ahli Kad dalam masa Tempoh Bil.

"Had Harian" bermaksud had maksimum dibenarkan yang ditetapkan oleh Bank berkaitan dengan Pengeluaran Tunai yang dibuat dalam satu hari.

"Urus Niaga Elektronik" bermaksud Urus Niaga yang dibuat menggunakan Kad yang menghasilkan pemindahan dana secara elektronik di mana-mana ATM atau mesin yang menggunakan kad atau peralatan lain yang menerima Kad.

"PIN" hendaklah bermaksud Nombor Pengenalan Peribadi yang diberikan kepada Ahli Kad.

"Penyata" bermaksud penyata akaun yang dikeluarkan oleh Bank yang menunjukkan Jumlah Urus Niaga.

"Resit Urus Niaga" membawa maksud slip bayaran yang berkenaan, borang atau kertas yang dibekalkan oleh Bank kepada Saudagar Dibenar bagi tujuan merekod, mengesahkan dan membuktikan pembelian atau perkhidmatan yang dibuat oleh Ahli Kad dengan menggunakan Kad untuk dicaj dan didebit daripada Akaun.

"Jumlah Urus Niaga" bermaksud semua jumlah Urus Niaga Kad yang dibuat oleh Ahli Kad dan Urus Niaga Kad melalui ATM. Bagi tujuan semata-mata untuk menentukan Jumlah Urus Niaga, menggunakan kad sebagai Kad ATM hendaklah disifatkan sebagai Urus Niaga Kad; dan

"Jumlah Amaun Dalam Pegangan" bermaksud jumlah semua amaun dalam Akaun Ahli Kad yang dalam pegangan oleh Bank disebabkan oleh mana-mana Urus Niaga Kad.

1.2 Perkataan yang menunjukkan bilangan tunggal juga membawa maksud jamak dan sebaliknya.

1.3 Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki juga bermaksud yang perempuan dan yang neutral.

1.4 Rujukan kepada sesuatu Fasal adalah Fasal Perjanjian ini.

1.5 Tajuk bagi Fasal-fasal itu adalah untuk rujukan sahaja dan tidak boleh diambil kira dalam intepretasi Perjanjian ini.

**2. PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN KAD**

2.1 Penggunaan Kad adalah terhad kepada orang yang namanya di atas Kad dikeluarkan (''Ahli Kad'') yang akan menandatangani Kad dengan serta-merta sebaik sahaja menerimanya dan mengembalikan akuan penerimaan Kad kepada Bank. Tandatangan demikian dan/atau penggunaan Kad adalah merupakan bukti yang mengikat dan konklusif bahawa Ahli Kad adalah terikat dengan Perjanjian ini.

2.2 Bank akan mengeluarkan nombor PIN bagi Kad kepada Ahli Kad untuk tujuan melaksanakan urus niaga ATM. Ahli Kad mengaku tidak akan mendedahkan nombor PIN kepada orang lain dan hendaklah bertanggungjawab kepada Bank bagi mana-mana entri debit dalam Akaunnya dengan Bank yang berpunca daripada mana-mana urus niaga yang tidak dibenarkan.

2.3 Sekiranya Ahli Kad tidak mahu terikat dengan terma dan syarat ini, Ahli Kad hendaklah dengan serta-merta mengembalikan Kad yang telah dipotong dua kepada Bank.

2.4 Untuk membuat pembelian dengan menggunakan Kad daripada mana-mana Saudagar Dibenar, Ahli Kad hendaklah menandatangani suatu Resit Urus Niaga yang disediakan oleh Saudagar Dibenar dengan menggunakan Kad. Ini menjadi bukti konklusif bahawa Urus Niaga Kad dan amaun yang direkod di dalamnya telah dibuat dengan sempurna apabila Bank menerima Resit Urus Niaga atau mana-mana dokumen bertulis yang lain yang mempunyai tandatangan Ahli Kad.

2.5 Sebagai balasan kepada Ahli Kad kerana mengamalkan dan mematuhi terma Perjanjian ini, Bank akan membeli daripada Saudagar Dibenar dan/atau institusi ahli MasterCard Worldwide semua Resit Urus Niaga yang dibuat oleh Ahli Kad dan mendebit Akaun Kad Ahli Kad di mana sesuai. Dengan tidak menyentuh peruntukan yang terdapat dalam Fasal 2.4 tandatangan tidaklah menjadi Syarat terdahulu bagi liabiliti Ahli Kad berkaitan dengan barangan dan perkhidmatan yang diberikan, jika Bank berpendapat berdasarkan keterangan dokumen, bahawa peninggalan itu adalah disebabkan oleh sifat Urus Niaga itu sendiri atau disebabkan oleh kealpaan di pihak Ahli Kad dan/atau Saudagar Dibenar dan/atau Bank ahli MasterCard.

2.6 Ahli Kad hendaklah mematuhi semua keperluan, panduan, arahan dan garis panduan tentang penggunaan Kad yang dikeluarkan oleh Bank dari semasa ke semasa berkaitan dengan semua perkhidmatan yang diberikan kepada Ahli Kad.

**3. PEMILIKAN KAD**

3.1 Kad ini adalah menjadi hak milik Bank pada setiap masa. Ia hanya boleh digunakan oleh Ahli Kad sahaja. Ahli Kad tidak boleh memindah atau sebaliknya melepaskan kawalan atau pemilikan Kad bagi sebarang kegunaan atau tujuan yang tidak dibenarkan oleh pihak Bank. Kad ini juga tidak boleh digadai oleh Ahli Kad sebagai cagaran bagi apa tujuan sekalipun.

3.2 Ahli Kad hendaklah sentiasa mengawasi Kad supaya tidak hilang atau kecurian. Sekiranya Kad hilang dan/atau kecurian dan/atau berlaku pendedahan nombor PIN kepada pihak yang tidak dibenarkan, Ahli Kad sebaik sahaja mengetahui kejadian itu, hendaklah dengan serta-merta memberitahu Bank (sekiranya kejadian itu berlaku di Malaysia) atau mana-mana ahli MasterCard Worldwide (jika kejadian itu berlaku di luar negara) melalui telefon, telegram, teleks atau faksimili dan mengesahkan perkara yang sama secara bertulis kepada Bank dengan disertai dengan laporan polis. Dengan ini Ahli Kad dengan tanpa boleh mansuh dan tanpa syarat membenarkan Bank (tetapi tidak semestinya) merekod arahan telefon seperti yang disebut sebelum ini secara bertulis dan/atau melalui rakaman pita dan/atau melalui apa-apa cara lain dan apa-apa rekod arahan demikian adalah konklusif dan mengikat Ahli Kad. Dengan ini Ahli Kad dengan nyatanya membenarkan supaya arahan telefon itu dirakamkan sedemikian dan dengan ini mengakui bahawa apa-apa dan/atau semua rekod yang disimpan oleh Bank adalah konklusif dan mengikat bagi semua tujuan. Ahli Kad seterusnya bersetuju bahawa Bank tidak mempunyai obligasi untuk mengesahkan identiti atau kuasa sesiapa pun yang memberi arahan telefon secara pura-pura atas nama Ahli Kad dan Bank berhak bertindak berdasarkan arahan demikian dan tidak akan bertanggungjawab kerana bertindak dengan niat baik berdasarkan arahan-arahan telefon yang diberi oleh orang demikian tanpa mengira tentang keadaan yang wujud pada masa arahan demikian dibuat. Ahli Kad bersetuju bahawa dengan mengambil kira tindakan Bank bertindak mengikut arahan telefon demikian atau Ahli Kad membenarkan Bank membuat rakaman pita kesemua atau mana-mana panggilan telefon Ahli Kad dengan Bank, selaras dengan fasal di atas, untuk membolehkan Bank menyimpan rakaman pita kesemua atau mana-mana arahan yang diberi kepada Bank oleh Ahli Kad atau kononnya atas nama Ahli Kad, Ahli Kad dengan ini bersetuju untuk membayar ganti rugi kepada Bank dan terus membayar ganti rugi kepada Bank bagi semua kerugian, tuntutan, prosiding, permintaan, pampasan, kos dan perbelanjaan yang ditanggung atau yang dikenakan ke atas Bank walau bagaimana sekalipun keadaan yang timbul disebabkan atau berkaitan dengan semua arahan demikian seperti yang disebut sebelum ini.

3.3 Sekiranya Kad hilang/dicuri seperti disebut dalam Fasal 3.2 di atas dan jika berikutan dengan kehilangan/kecurian itu, Kad itu telah digunakan oleh orang yang tidak dibenarkan, Ahli Kad adalah bertanggungjawab kepada Bank bagi semua caj yang dikenakan termasuk caj kewangan bagi apa-apa barang atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh peniaga, yang dibuat menggunakan Kad oleh orang yang tidak dibenarkan itu sehingga ke tarikh penerimaan pemberitahuan secara bertulis seperti yang dinyatakan di bawah Fasal 3.2 di atas. Selepas Bank menerima pemberitahuan seperti yang dinyatakan dalam Fasal 3.2 di atas tentang kehilangan/kecurian Kad daripada Ahli Kad, liabiliti Ahli Kad mungkin terhad kepada RM250 bagi semua urus niaga berikutnya yang tidak dibenarkan itu yang dibuat selepas Bank menerima pemberitahuan yang tersebut. Jika penyiasatan mendedahkan bahawa Ahli Kad terlibat dengan membuat perbelanjaan yang tidak dibenarkan itu, Ahli Kad adalah bertanggungjawab bagi semua caj yang tidak dibenarkan itu, termasuk caj kewangan, sama ada sebelum atau selepas Bank menerima pengesahan bertulis demikian. Adalah secara nyata dipersetujui bahawa bukanlah menjadi tanggungjawab Bank untuk memastikan Baki Semasa seperti yang ditetapkan oleh Bank tidak dilebihi.

3.4 Atas permintaan Ahli Kad, Bank boleh tetapi tidak dimestikan oleh undang-undang, mengganti Kad yang hilang atau dicuri dengan bayaran RM10.

Dengan syarat Kad itu tidak akan diganti sekiranya laporan kehilangan atau kecurian Kad itu dibuat bagi kali keempat atau selanjutnya. Kad gantian itu adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini seolah-olah Kad itu adalah yang asal.

3.5 Ahli Kad hendaklah memulangkan Kad yang telah dikerat dua kepada Bank dengan serta-merta sebaik tamat tempoh sahnya atau apabila diminta oleh Bank setelah dibatalkan, dimansuh atau digantung oleh Bank atau setelah Kad itu dijumpai semula selepas pemberitahuan kehilangannya, dan tidak lagi mempunyai hak selanjutnya ke atas penggunaan Kad itu.

**4. KAD TAMBAHAN**

4.1 Atas permintaan Ahli Kad Utama, Bank boleh dengan budi bicara sendiri dan mutlaknya, mengeluarkan Kad Tambahan kepada Ahli Kad Tambahan. Semua terma dan syarat yang dikenakan di sini ke atas Ahli Kad akan dikenakan mutatis mutandis (iaitu dengan perubahan-perubahan yang perlu) ke atas Ahli Kad Tambahan dan untuk tujuan demikian ungkapan “Ahli Kad” dan “Kad” hendaklah dibaca dan ditafsir seolah-olah ungkapan “Ahli Kad Tambahan” dan “Kad Tambahan” adalah digantikan padanya melainkan dinyatakan sebaliknya.

4.2 Ahli Kad Utama dan Ahli Kad Tambahan hendaklah menanggung secara bersama dan/atau berasingan semua caj yang dikenakan oleh Ahli Kad Utama dan/atau oleh Ahli Kad Tambahan di bawah Akaun Kadnya. Selanjutnya, Ahli Kad Utama adalah bertanggungjawab untuk menjamin Ahli Kad Tambahannya akan mengamalkan semua terma, syarat dan obligasi yang dinyatakan dalam perjanjian ini.

4.3 Kad Tambahan yang dikeluarkan boleh dibatalkan atas permintaan secara bertulis oleh Ahli Kad Utama dengan disertai Kad Tambahan yang telah dipotong dua dan dikembalikan kepada Bank dengan syarat pembatalan demikian tidak akan memberi kesan ke atas hak dan kelayakan, kewajipan dan obligasi yang terakru sebelum pembatalan itu. Selepas penggunaan Kad ditamatkan dalam apa-apapun keadaan atau atas permintaan Ahli Kad, penggunaan semua Kad Tambahan juga hendaklah ditamatkan. Penamatan penggunaan Kad Tambahan tidak akan menamatkan penggunaan Kad oleh Ahli Kad Utama.

**5. AKAUN KAD**

5.1 Semua bayaran bagi pembelian barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat menggunakan Kad dan juga yuran tahunan, caj perkhidmatan dan caj tambahan akan didebit ke Akaun dalam mata wang seperti pada bil, sama ada tempatan atau luar negara, dan ini akan dinyatakan dalam Penyata.

5.2 Bank akan mengemukakan kepada Ahli Kad Penyata bulanan yang menunjukkan amaun pembelian barangan dan perkhidmatannya dan yuran dan caj yang ditanggung oleh Ahli Kad termasuk apa-apa bayaran atau kredit yang dibuat dan direkod oleh Bank dalam Penyata Bulanan.

5.3 Rekod dan masukan dalam Akaun dengan Bank seperti yang tercatat dalam Penyata bulanan adalah disifatkan betul dan mengikat terhadap Ahli Kad kecuali notis bertulis tentang hal sebaliknya diberi kepada Bank oleh Ahli Kad dalam tempoh 7 hari dari Tarikh Tutup Tempoh Pembilan seperti yang dinyatakan dalam Penyata bulanan.

5.4 Sebaik sahaja menerima notis bertulis demikian yang diberikan pada masanya oleh Ahli Kad dalam tempoh yang ditetapkan, Bank akan meneliti Akaun untuk membuat pelarasan dan pembetulan, jika ada. Penguatkuasaan Fasal ini hendaklah dalam apa cara pun tidak menjejaskan obligasi Ahli Kad di bawah Fasal 13 DENGAN SENTIASA MENJADI SYARAT bahawa apa-apa wang yang belum dibayar kepada atau oleh Ahli Kad hendaklah dikreditkan atau didebitkan ke dalam Akaun.

**6. BAKI MINIMUM**

6.1 Bank boleh menetapkan baki minimum yang perlu dikekalkan dalam Akaun berkaitan dengan penggunaan Kad dan boleh mengubah baki minimum tersebut dari semasa ke semasa tanpa notis.

6.2 Dengan tidak menyentuh mana-mana baki minimum yang telah ditetapkan, Bank atas budi bicara mutlaknya boleh meluluskan mana-mana Urus Niaga Kad yang dicadangkan dan/atau Urus Niaga Kad Elektronik dan membenarkan baki minimum itu dilebihi, walaupun tanpa permintaan daripada Ahli Kad dengan sentiasa menjadi syarat bahawa Ahli Kad mesti dengan serta-merta membayar amaun demikian yang melebihi baki minimum yang ditetapkan.

6.3 Di mana Bank dengan budi bicara mutlaknya membenarkan sebarang amaun terlebih ambil dalam Akaun atas apa juapun sebab, Ahli Kad hendaklah apabila diminta membayar amaun terlebih ambil demikian berserta faedah seperti yang boleh ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlaknya, bagi amaun yang terlebih ambil itu.

6.4 Dalam mengira sama ada baki minimum dikekalkan dan tidak melebihi had, Bank boleh mengambil kira amaun mana-mana Urus Niaga Kad dan/atau Urus Niaga Kad Elektronik yang belum didebit ke Akaun Kad atau mana-mana pemberikuasaan oleh Bank kepada pihak ketiga berkaitan dengan Urus Niaga Kad dan/atau Urus Niaga Kad Elektronik yang dijangkakan.

6.5 Ahli Kad tidak dibenarkan menggunakan Kad sehingga menyebabkan Jumlah Urus Niaga melebihi baki minimum.

## 7. AKAUN PEGANGAN

7.1 Bank boleh mendebit atau membuat pegangan ke atas Akaun bagi amaun sesuatu Urus Niaga Kad sama ada pada hari dikemukakan kepada Bank untuk bayaran (termasuk tanpa had bagi yang dikemukakan secara elektronik) atau pada hari Bank menerima notis tentang Urus Niaga Kad itu, yang mana lebih awal. Sekiranya seorang Saudagar yang Dibenarkan memohon kebenaran bagi sesuatu Urus Niaga Kad, Bank boleh mengenakan pegangan ke atas Akaun bagi amaun Urus Niaga Kad yang dibuat. Baki yang masih tinggal dalam Akaun untuk kegunaan Ahli Kad akan dikurangkan sebanyak jumlah yang dalam pegangan. Ahli Kad tidak boleh membuat arahan henti bayar ke atas Urus Niaga Kad. Untuk mengelakkan sebarang kekeliruan, amaun yang diletak dalam pegangan berkaitan dengan sebarang Urus Niaga Kad tidak boleh dianggap sebagai amaun sebenar bagi Urus Niaga Kad yang akhirnya didebit ke Akaun dan terutamanya bagi Urus Niaga Kad dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia hendaklah tidak disifatkan bahawa Bank telah menukarkan amaun Urus Niaga Kad itu ke dalam Ringgit Malaysia pada hari amaun itu diletakkan dalam pegangan, yang dengan ini secara nyatanya dipersetujui bahawa Bank adalah bebas membuat perubahan amaun demikian ke Ringgit Malaysia pada masa dan kadar pertukaran seperti yang akan ditentukan oleh Bank mengikut amalan biasanya.

7.2 Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk menempatkan amaun demikian dalam pegangan seperti yang dirujuk dalam Fasal 7.1 bagi sesuatu tempoh yang difikirkannya sesuai. Bank akan mendebit amaun dalam pegangan ke Akaun apabila Urus Niaga Kad berkenaan dikemukakan kepada Bank untuk bayaran. Bank akan melepaskan amaun dalam pegangan Urus Niaga Kad berkenaan yang tidak dikemukakan kepada Bank untuk bayaran dalam tempoh yang dianggap sesuai oleh Bank, yang dengan nyatanya dipersetujui bahawa Bank mempunyai hak untuk meletakkan pegangan semula ke atas Akaun dan untuk mendebit Akaun sekiranya Urus Niaga Kad itu berkemungkinan dikemukakan atau dikemukakan untuk bayaran tidak lama selepas itu. Untuk mengelakkan kekeliruan, adalah dengan ini dinyatakan bahawa hak Bank untuk mendebit Akaun berkaitan dengan mana-mana Urus Niaga Kad tidak terhad kepada amaun yang telah diletakkan dalam pegangan berhubung dengan Urus Niaga Kad dan Bank berhak mendebit Akaun bagi amaun sepenuhnya Urus Niaga Kad pada bila-bila masa. Bank berhak pada bila-bila masa untuk menaikkan amaun dalam pegangan berkaitan dengan mana-mana Urus Niaga Kad yang dibuat dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia jika Bank berpendapat yang amain pegangan awalnya apabila ditukar kepada mata wang asing itu tidak mencukupi untuk membayar Urus Niaga Kad berkenaan sepenuhnya.

7.3 Ahli Kad tidak boleh menggunakan mana-mana bahagian Jumlah Amaun dalam Pegangan, dengan tidak menyentuh mana-mana terma dan syarat lain yang ditetapkan bagi Akaun ini.

7.4 Bank akan menghantar Penyata kepada Ahli Kad setiap bulan atau bagi mana-mana tempoh lain tetapi Bank mempunyai hak tidak menghantar apa-apa Penyata bagi mana-mana tempoh yang Akaun itu tidak aktif. Penyata itu adalah merupakan keterangan tentang keadaan akaun antara Ahli Kad dengan Bank dan terma dan syarat bagi pengendalian Akaun Ahli Kad adalah dipakai berkaitan dengannya (termasuk tetapi tidak terhad kepada terma tentang kewajipan Ahli Kad untuk mengesahkan Penyata dan fasal keterangan konklusif (jika ada) dan hendaklah tidak dianggap sebagai penyata akaun antara Bank dengan Ahli Kad.

7.5 Bank akan hanya mengkredit Akaun dengan bayaran balik yang dibuat oleh mana-mana Saudagar yang dibenarkan atau mana-mana pertubuhan berhubung dengan mana-mana Urus Niaga Kad setelah Bank menerima baucer kredit yang dikeluarkan dengan teratur.

7.6 Jika amaun mana-mana Urus Niaga Kad dibuat dalam mata wang yang lain daripada Ringgit Malaysia, Bank akan menukar amaun itu kepada Ringgit Malaysia mengikut masa dan kadar pertukaran seperti yang ditetapkan oleh Bank mengikut amalan biasanya, sebelum didebit ke atau dipegang dalam Akaun.

7.7 Ahli Kad mesti memberitahu Bank dengan segera secara bertulis tentang:
(a) sebarang niat untuk bermastautin di luar Malaysia selama lebih daripada enam bulan;
(b) sebarang pertukaran alamat Ahli Kad; dan
(c) sebarang pertukaran lain tenting keterangan dari Ahli Kad atau sebarang maklumat lain yang mungkin diminta oleh Bank dari semasa ke semasa.

## 8. BUDI BICARA BANK

8.1 Bank berhak, pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya dan tanpa memberi notis awal atau sebab untuk menolak daripada meluluskan mana-mana cadangan Urus Niaga Kad tanpa mengambil kira bahawa Baki Semasa yang ada membolehkan Urus Niaga Kad yang dicadangkan itu dibuat seperti yang dinyatakan sebelum ini.

8.2 Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknya tanpa memberi notis awal dan tanpa memberi apa-apa sebab untuk:

(a) menggantung hak Ahli Kad daripada menggunakan Kad sepenuhnya atau berkaitan kemudahan-kemudahan tertentu; dan/atau

(b) tidak mengeluarkan semula, membaharui atau mengganti kad, tanpa dalam apapun hal, menjejaskan obligasi Ahli Kad di bawah Perjanjian ini yang akan terus berkuatkuasa dan bayaran semula tidak akan dibuat bagi apa-apa yuran tahunan atau yuran lain yang telah dibayar jika hak menggunakan Kad digantung oleh Bank atau jika Kad tidak dibaharui atau diganti sedemikian.

8.3 Dengan tidak menyentuh peruntukan lain dalam Perjanjian ini, Bank mempunyai hak, pada bila-bila masa, mengikut budi bicara mutlaknya dan tanpa notis awal dan tanpa memberi apa-apa sebab untuk memperkenalkan, meminda, mengubah, menghad atau menarik balik semua atau mana-mana faedah, perkhidmatan, kemudahan dan hak istimewa yang berkaitan dengan penggunaan Kad dan/atau Perjanjian ini.

## 9. NOMBOR PIN DAN PENGGUNAAN DI ATM

9.1 Jika nombor PIN dikeluarkan kepada Ahli Kad untuk membolehkan Ahli Kad menggunakan Kad di mana-mana ATM atau untuk membuat Urus Niaga Elektronik, terma-terma tambahan berikut adalah dipakai:

(a) nombor PIN boleh dipungut oleh Ahli Kad atau dihantar melalui pos kepada Ahli Kad atas risiko Ahli Kad sendiri;

(b) Ahli Kad hendaklah merahsiakan nombor PIN ini dan hendaklah menjaga nombor PIN dengan baik supaya tidak diketahui oleh orang lain;

(c) Ahli Kad adalah bertanggungjawab ke atas semua urus niaga yang dibuat menggunakan Kad pada ATM atau membuat apa-apa Urus Niaga Elektronik sama ada dengan atau tanpa pengetahuan atau kebenaran Ahli Kad;

(d) amaun mana-mana Urus Niaga ATM/Elektronik, jika dibuat dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia, akan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada masa dan dengan kadar yang ditetapkan oleh Bank mengikut amalan kebiasaannya, sebelum didebit ke Akaun; dan

(e) Bank berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, menukar, membatalkan atau memansuhkan penggunaan nombor PIN pada bila-bila masa tanpa memberi sebab apa juapun dan tanpa memberi notis awal kepada Ahli Kad.

## 10. PENAMATAN

10.1 Ahli Kad boleh menamatkan penggunaan kadnya dengan memberi notis bertulis tentang penamatan kepada Bank dan mengembalikan Kad yang telah dipotong dua kepada Bank, dengan itu penggunaan Kad itu akan ditamatkan.

10.2 Bank boleh pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknya tanpa notis dan tanpa memberi apa-apa sebab menamatkan penggunaan Kad. Tanpa menjejaskan keluasan makna yang disebut terdahulu, Bank boleh menamatkan penggunaan Kad, sebaik sahaja berlakunya mana-mana satu atau lebih perkara yang berikut:

(a) kebankrapan, ketakmampuan bayar, kematian atau ketidakupayaan Ahli Kad; dan/atau

(b) apa-apa pelanggaran Perjanjian ini oleh Ahli Kad.

10.3 Sekiranya penggunaan Kad ditamatkan oleh Bank atau Ahli Kad atas apa juga sebab, Ahli Kad hendaklah dengan serta-merta memulangkan Kad tersebut kepada Bank setelah dipotong dua. Ahli Kad hendaklah memberitahu Bank tentang cara bagaimana baki dalam Akaun, sekiranya ada, hendak dipulangkan kepada Ahli Kad.

10.4 Tidak ada bayaran balik mana-mana yuran tahunan atau yuran lain sebaik sahaja Kad ditamatkan atas apa sebab sekalipun.

10.5 Apabila penggunaan Kad ditamatkan, Bank tidak akan menghantar Penyata bulanan kepada Ahli Kad.

## 11. KECUALIAN LIABILITI

11.1 (a) Bank tidak bertanggungjawab ke atas barangan dan perkhidmatan yang dibekalkan oleh mana-mana Saudagar Dibenarkan atau pertubuhan atau ke atas kualiti dan prestasi mana-mana barang atau perkhidmatan selaras dengan atau berkaitan dengan mana-mana Urus Niaga Kad.

(b) Liabiliti Ahli Kad kepada Bank tidak akan terjejas oleh mana-mana pertikaian atau tuntutan balas atau hak membuat imbangan yang mungkin ada terhadap Saudagar Dibenar oleh Ahli Kad.

11.2 Bank tidak bertanggungjawab dalam apa carapun jika mana-mana Saudagar Dibenar, enggan menerima atau mengiktiraf Kad atas apapun sebab.

11.3 Bank tidak bertanggungjawab jika tidak dapat memenuhi obligasinya di bawah Perjanjian ini, secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana pertikaian perusahaan, perang, bencana alam atau apa-apa sahaja yang di luar kawalan Bank, pekerjanya atau ejennya.

11.4 Bank tidak bertanggungjawab dalam apa carapun ke atas apa-apa kecederaan terhadap nama baik, keperibadian dan reputasi Ahli Kad dalam dan tentang penarikbalikan Kad atau permintaan untuk dipulangkan Kad.

11.5 Bank tidak bertanggungjawab dalam apa carapun kepada Ahli Kad bagi apa-apa kesusahan, kehilangan, kerosakan atau rasa malu dalam apa bentukpun yang disebabkan oleh atau berpunca daripada kerosakan atau kehilangan atau kegagalan mendapatkan data atau maklumat yang mungkin disimpan dalam mana-mana mikrocip atau litar atas apa juapun sebab.

11.6 Tanpa menjejaskan keluasan makna peruntukan Fasal 11 ini, Bank tidak bertanggungjawab dalam apa carapun kepada Ahli Kad bagi apa-apa kehilangan, kerosakan, kos atau perbelanjaan dalam bentuk apapun yang berpunca daripada atau berkaitan dengan penggunaan kad dan/atau Perjanjian ini.

11.7 Tanpa menjejaskan keluasan makna peruntukan Fasal 11 ini, Bank tidak bertanggungjawab dalam apa carapun kepada Ahli Kad bagi apa-apa kesusahan, kehilangan, kerosakan atau rasa malu dalam apa bentukpun yang disebabkan oleh atau berpunca daripada:

(a) apa-apa kelewatan dalam melepaskan sebarang amaun yang telah diletakkan dalam pegangan dalam Akaun Ahli Kad.

(b) apa-apa pegangan ke atas Akaun sebaik sahaja menerima permintaan untuk membenarkan Urus Niaga Kad atau apa-apa notis tentang Urus Niaga Kad atau permintaan untuk bayaran (termasuk tetapi tidak terhad kepada permintaan secara elektronik) dengan tidak mengira bahawa permintaan atau notis demikian tidak dibenarkan atau dipalsui atau Urus Niaga Kad itu tidak dilaksanakan atau telah dibatalkan.

11.8 Ahli Kad tidak boleh membuat serah hak ke atas hak-haknya dalam Perjanjian ini.

## 12. PERBEZAAN DALAM PERJANJIAN INI

12.1 Bank boleh mengubah terma-terma Perjanjian ini pada bila-bila masa dan dalam apa cara yang ditentukan oleh Bank dan perubahan demikian boleh diberitahu kepada Ahli Kad oleh Bank sama ada dalam bentuk bertulis atau melalui penerbitannya atau melalui cara atau bentuk lain yang dipilih oleh Bank dan perubahan demikian yang diberitahu adalah mengikat Ahli Kad, berkuatkuasa mulai tarikh yang ditetapkan oleh Bank.

12.2 Jika Ahli Kad tidak menerima perubahan-perubahan demikian, Ahli Kad boleh dalam tempoh 7 hari selepas Bank memberikan notis tersebut menamatkan penggunaan Kad menurut Fasal 10.

12.3 Jika Ahli Kad memegang atau menggunakan Kad selepas Bank memberi notis tentang apa-apa perubahan dalam Perjanjian ini, Ahli Kad adalah dianggap sebagai menerima dan bersetuju dengan perubahan-perubahan demikian tanpa kekecualian.

## 13. YURAN DAN CAJ

13.1 (i) Yuran Tahunan seperti yang telah ditetapkan oleh Bank bagi Kad dan setiap Kad Tambahan apabila dikeluarkan atau diperbaharui. Yuran Tahunan tidak akan dibayar balik.

(ii) Caj perkhidmatan pada kadar yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya sendiri bagi perkhidmatan yang diberikannya dan kos dan perbelanjaan yang terlibat berkaitan dengan atau yang berpunca daripada:

(a) Pengeluaran atau penyalinan Resit Urus Niaga atau dokumen lain atas permintaan atau bagi tujuan Ahli Kad seperti berikut:
Salinan foto Resit Urus Niaga RM15

(b) Penggantian Kad yang hilang atau dicuri di bawah Fasal 3.4.

(iii) Sebagai tambahan dan tanpa menyentuh hak Bank untuk mengenakan yuran dan caj demikian seperti yang diperuntukkan terdahulu dari ini Bank mempunyai hak untuk membuat potongan daripada Akaun untuk membuat potongan daripada Akaun untuk perkara berikut:

(a) Yuran Pengeluaran Tunai:-
i. Bagi urus niaga yang berjaya; RM10.00

(b) Yuran Pertanyaan Baki:- RM2.00 bagi setiap pertanyaan. Yuran dan caj dalam perkara dalam Perjanjian ini hendaklah dibayar sekiranya Ahli Kad melakukan urus niaga di atas di terminal yang bukan milik Bank.

(iv) Yuran Guaman (berdasarkan Peguamcara dan Klien) dan perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Bank apabila menguatkuasakan hak dan hak milik di bawah Perjanjian ini dan bagi mendapat kembali wang belum bayar oleh Ahli Kad kepada Bank di bawah Akaunnya.

(v) Yuran dan caj lain yang munasabah yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa bagi perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan kepada Ahli Kad.

13.2 Tanpa menyentuh peruntukan-peruntukan di atas, Bank adalah berhak mengikut budi bicaranya sahaja untuk mengubah kadar atau kaedah pengiraan yuran tahunan, caj pengendalian dan caj tambahan dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal kepada Ahli Kad.

## 14. KEINGKARAN

14.1 Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya dan pada bila-bila masa dengan atau tanpa notis dan tanpa memberi apa-apa sebab membatal/memansuh kad atau tidal memperbaharui Kad atau menggantung atau menghad penggunaan Kad oleh Ahli Kad dan mana-mana Kad Tambahan di bawah Akaunnya.

14.2 Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan Fasal 13.1 di atas, jika:

1. Ahli Kad ingkar dalam bayaran apa-apa wang yang dengan ini ditetapkan untuk dibayar dengan cara yang diperuntukkan dalam ini apabila genap masa sama ada diminta secara formal atau tidak; atau

2. Ahli Kad melanggar mana-mana terma Perjanjian ini dalam apa juapun cara; atau
3. Ahli Kad mengambil tindakan kebankrapan atau menjadi bankrap atau membenarkan apa-apa penghakiman terhadapnya tidak diselesaikan selama lebih daripada 30 hari; atau
4. satu penahanan disempurnakan dengan distres atau prosiding undang-undang yang lain telah dikenakan, dikuatkuasa atau dikeluarkan terhadap harta Ahli Kad dan tidak dilepaskan atau tidak digantung pelaksanaannya dalam tempoh 7 hari; atau
5. Bank memutuskan mengikut budi bicara sendiri dan mutlaknya bahawa kedudukan kewangan Ahli Kad adalah dan telah menjadi tidak terurus dan/atau sesuatu kejadian telah berlaku atau sesuatu keadaan telah wujud yang boleh atau mungkin menjejaskan keupayaannya untuk memenuhi terma-terma Perjanjian ini atau telah tergugat; atau
6. jika Ahli Kad gagal membayar jumlah wang yang telah sampai tempoh dan perlu dibayar oleh Ahli Kad berkaitan dengan mana-mana pinjaman atau akaun atau kemudahan yang diberikan kepada Ahli Kad oleh Bank atau mana-mana cawangan Bank apabila yang tersebut itu telah kena bayar sama ada diminta secara formal atau tidak; atau
7. jika Ahli Kad meninggal dunia atau menjadi gila;

dengan itu, dalam mana-mana kejadian demikian, Bank boleh memberikan notis bertulis kepada Ahli Kad dan atas budi bicara mutlaknya, membatalkan/memansuhkan Kad.

14.3 Sebaik sahaja Kad dibatalkan atau sebaik sahaja dimansuhkan, digantung, atau dihadkan hak Ahli Kad atau Ahli Kad Tambahan untuk menggunakan Kad seperti dinyatakan sebelum ini, semua wang yang perlu bayar kepada Bank oleh Ahli Kad di bawah Akaunnya menjadi genap masanya dan perlu dibayar serta-merta dan sebaik sahaja diminta oleh Bank, Ahli Kad hendaklah menjelaskan Akaun.

14.4 Ahli Kad dengan ini bersetuju bahawa mana-mana Kad yang dibatalkan mungkin diletakkan dalam Senarai Pembatalan yang mungkin diedarkan kepada semua Saudagar Dibenarkan dan/atau institusi yang menjadi ahli MasterCard Worldwide dan semua cawangan Bank.

14.5 Dengan tidak menyentuh peruntukan lain Perjanjian ini, Ahli Kad bersetuju bahawa dia tidak akan membuat tuntutan terhadap Bank dan akan mengganti rugi Bank bagi apa-apa kehilangan, kerosakan, kos dan perbelanjaan (guaman atau sebaliknya termasuk kos berdasarkan Peguamcara dan Klien), yuran dan caj, kos pos atau penghantaran dan perbelanjaan atau caj lain yang mungkin ditanggung oleh Bank dalam menguatkuasa atau cuba menguatkuasa bayaran di bawah Perjanjian ini terhadap Ahli Kad dan/atau Ahli Kad Tambahan.

## 15. URUS NIAGA LUAR NEGARA

15.1 Ahli Kad boleh menggunakan Kad di luar Malaysia yang terdapat Saudagar Dibenar dan/atau institut yang menjadi ahli MasterCard Worldwide.

15.2 Ahli Kad boleh menggunakan Kad bagi pengeluaran tunai melalui mana-mana ATM yang ditentukan yang dipasang di negara-negara yang diluluskan yang akan diumumkan oleh Bank atau oleh MasterCard Worldwide dari semasa ke semasa. Ahli Kad hendaklah menentukan bahawa semua urus niaga antara-negara oleh Ahli Kad melalui ATM tidak melanggar undang-undang yang terdapat di negara urus niaga itu dilakukan.

15.3 Apabila Ahli Kad menggunakan Kad di luar Malaysia, urus niaga yang dibuat akan ditukar ke Ringgit Malaysia dengan menggunakan US Dollar sebagai mata wang asas pada tarikh perkara itu diterima dan/atau diproses pada kadar pertukaran demikian dan pada masa yang akan ditentukan oleh MasterCard Worldwide mengikut budi bicara mutlaknya termasuk kos administrasi sebanyak 1.25%. Pertukaran mungkin berbeza daripada kadar yang digunakan pada hari urus niaga disebabkan oleh turun naik pasaran. Kadar yang ditetapkan demikian adalah muktamad dan konklusif dan Ahli Kad akan menanggung semua risiko pertukaran, kerugian, komisen dan caj bank lain yang dengan demikian mungkin dikenakan.

15.4 Di mana sahaja boleh dipakai, Ahli Kad hendaklah mengikut peraturan Kawalan Pertukaran yang dikeluarkan oleh Bank Negara berkaitan dengan mana-mana urus niaga luar negara. Ahli Kad adalah bertanggungjawab ke atas mana-mana pelanggaran peraturan demikian dan mana-mana pindaan padanya.

## 16. PELBAGAI

16.1 HAK UNTUK TOLAK SELESAI DAN PENYATUAN

Ahli Kad bersetuju bahawa Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa dan tanpa notis dengan serta-merta menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun Ahli Kad termasuk akaun di bawah nama Bank dan atau nama Ahli Kad secara bersama dengan pihak lain (sama ada deposit semasa atau bentuk lain walau apapun sama ada dikenakan notis atau dan dalam mata wang apapun) tidak kira di mana letaknya dan tolak selesai atau ke arah penjelasan mana-mana jumlah yang terhutang kepada Bank di bawah Perjanjian ini. Di mana kombinasi penyatuan penyelesaian setara atau pemindahan memerlukan pertukaran mata wang kepada yang lain, pertukaran tersebut hendaklah dikira mengikut kadar pertukaran semasa Bank yang akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya sendiri.

16.2 UNDANG-UNDANG

Perjanjian ini antara Bank dan Ahli Kad hendaklah disifatkan telah disempurnakan dan dibuat di Ibu Pejabat Bank di Kuala Lumpur dan apa-apa pelanggaran terma yang tersebut dalam perjanjian ini adalah disifatkan sebagai berlaku di Kuala Lumpur dengan tidak mengira di mana Ahli Kad bermastautin.

16.3 PENEPIAN

Masa merupakan intipati Perjanjian ini tetapi kegagalan untuk melaksanakan atau keistimewaan kuasa hak atau remedi tidak boleh disifatkan suatu penepian daripadanya begitu juga pelaksanaan mana-mana satu atau sebahagiannya mana-mana keistimewaan kuasa hak atau remedi menghalang pelaksanaan lain atau lanjutan daripadanya atau pelaksanaan mana-mana keistimewaan kuasa hak atau remedi yang laln. Hak dan remedi yang diperuntukkan dalam perjanjian ini adalah kumulatif dan tidak eksklusif terhadap mana-mana hak atau remedi yang diperuntukkan dalam undang-undang.

16.4 PENJAGAAN HAK DAN KELAYAKAN

Tanpa menyentuh perkara lain dalam Perjanjian ini, hak dan kelayakan Bank di bawah perjanjian ini hendaklah terus kekal berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya dan adalah terkecuali daripada mana-mana pembatalan, pemansuhan atau penggantungan Kad oleh Bank.

16.5 VARIASI

Ahli Kad bersetuju bahawa Bank boleh dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal bertulis kepada Ahli Kad mengubah, menambah atau meminda terma dan syarat yang terdapat dalam Perjanjian ini dan pertukaran demikian hendaklah dipakai pada tarikh kuatkuasa yang ditetapkan oleh Bank dan adalah terpakai bagi semua baki belum jelas dalam Akaun. Sekiranya Ahli Kad tidak bersetuju dengan perubahan, tambahan dan/atau pindaan demikian, Ahli Kad hendaklah menyerahkan Kad yang telah dipotong dua dan memulangkannya kepada Bank, kegagalan penerimaannya oleh Bank Ahli Kad adalah disifatkan telah menerima perubahan, tambahan dan/atau pindaan demikian.

16.6 PENDEDAHAN

1. Bank hendaklah mempunyai hak menyemak kedudukan kredit mana-mana pemohon Kad dan/atau menyemak kedudukan Ahli Kad pada bila-bila masa sebagaimana dan apabila difikirkan sesuai oleh Bank tanpa merujuk kepadanya.
2. Dengan ini Ahli Kad membenarkan Bank dan/atau pegawainya untuk menggunakan, mendedahkan, membuka atau menunjukkan mana-mana maklumat berkaitan dengan Ahli Kad atau Akaun Kadnya dengan cara dan hingga ke tahap yang dari semasa ke semasa difikirkan perlu oleh Bank:
    1. Kepada mana-mana saudagar, Bank atau institut kewangan MasterCard Worldwide dan mana-mana institut ahli MasterCard Worldwide atau mana-mana pihak yang berminat untuk memudahkan penggunaan Kad atau pemprosesan mana-mana urus niaga yang dibuat atau akan dibuat menggunakan Kad atau apa-apa penyiasatan dalam apapun bentuk.
    2. Untuk atau berhubungan dengan mana-mana tindakan atau prosiding yang diambil dengan tujuan mendapatkan semula wang yang belum bayar oleh Ahli Kad kepada Bank di bawah Perjanjian ini.
    3. Kepada mana-mana pihak berkuasa atau badan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank.
    4. Dengan ini Ahli Kad bersetuju bahawa selagi apa-apa wang yang belum bayar di bawah Akaun masih belum jelas, Bank adalah berhak untuk mendedahkan maklumat tentang perniagaannya (termasuk akaunnya dan/atau akaun masa depannya) dengan Bank kepada syarikat yang atau yang akan pada masa hadapan mungkin menjadi cawangan Bank dan bahawa cawangan-cawangan Bank itu juga berhak untuk membuat pendedahan demikian kepada Bank dan/atau kepada cawangan-cawangan lain yang tersebut.

16.7 NOTIS

1. Ahli Kad hendaklah memaklumkan Bank secara bertulis tentang apa-apa perubahan alamat dan/atau pekerjaan atau perniagaan.
2. Apa-apa penyata akaun surat-menyurat atau notis kepada Ahli Kad boleh dihantar dengan tangan atau dikirim melalui pos prabayar kepada alamat Ahli Kad yang tercatat pada Borang Permohonan Kad Bank atau kepada alamat lain demikian yang diberitahu oleh Ahli Kad kepada Bank dari semasa ke semasa dan hendaklah dianggap telah diterima pada masanya oleh Ahli Kad di dalam masa 3 Hari Perniagaan selepas dipos. Apa-apa kegagalan pada pihak Ahli Kad untuk memberitahu apa-apa perubahan alamatnya sehingga menyebabkan kelewatan atau pemulangan penyata bulanan surat-menyurat atau notis hendaklah tidak menjejaskan hak dan kelayakan Bank di bawah Perjanjian ini.

16.8 PENYAMPAIAN NOTIS
Dengan ini pihak-pihak bersetuju bahawa penyampaian apa-apa notis bagi apa-apa tuntutan yang timbal daripada atau berhubung dengan Perjanjian ini boleh dilaksanakan dengan mengemukakan satu salinan notis yang sama melalui pos ke alamat terakhir Ahli Kad yang diketahui yang tercatat pada Borang Permohonan Kad Bank atau kepada alamat lain demikian yang diberitahu oleh Ahli Kad kepada Bank dari semasa ke semasa dan hendaklah dianggap telah disampaikan pada masa mengepos Notis dan dalam menyediakan penyerahan adalah memadai untuk membuktikan bahawa Notis yang sama telah dialamatkan dengan sepatutnya dan diletakkan dalam pos walaupun terdapat apa-apa keterangan yang bertentangan.

16.9 SIJIL KEBERHUTANGAN
Suatu sijil yang ditandatangani oleh pegawai Bank berkenaan dengan wang yang buat masa itu genap masa dan belum dibayar kepada Bank daripada Ahli Kad hendaklah menjadi keterangan atau bukti yang terakhir dan muktamad bahawa amaun yang muncul di dalamnya adalah genap masanya dan belum dibayar dan wajar dibayar oleh Ahli Kad kepada Bank dalam mana-mana prosiding undang-undang. Apa-apa pengakuan atau perakuan secara bertulis oleh Ahli Kad atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Ahli Kad tentang amaun keberhutangan Ahli Kad kepada Bank dan apa-apa penghakiman yang didapatkan kembali oleh Bank terhadap Ahli Kad berhubung dengan keberhutangan demikian hendaklah mengikat dan muktamad dalam mana-mana mahkamah di dalam dan di luar Malaysia.

16.10 KEBOLEHASINGAN
Ketaksahan dan ketakbolehkuatkuasaan mana-mana peruntukan di dalam perjanjian ini hendaklah tidak dari segi isinya membatalkan niat yang mendasari Perjanjian ini dan peruntukan yang tak sah atau tak boleh dikuatkuasakan hendaklah menjadi berasingan dan ketaksahan dan ketakbolehkuatkuasaan mana-mana terma atau peruntukan Perjanjian ini hendaklah tidak menjejaskan kesahan dan kebolehkuatkuasaan terma atau peruntukan lain yang terkandung di dalam ini yang hendaklah terus kekal berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya.

16.11 TERMA DAN SYARAT LAIN
Terma dan syarat yang disebut di dalam perjanjian ini hendaklah menjadi tambahan kepada dan bukan pengurangan kuasa bagi mana-mana perjanjian khusus atau perjanjian yang berkaitan dengan setiap kemudahan di bawah kemudahan Kad sekarang dan kemudian dari ini yang terus hidup dari semasa ke semasa antara Bank dengan Ahli Kad atau mana-mana terma dan syarat yang boleh dinyatakan dalam apa-apa surat tawaran yang diberikan oleh Bank kepada Ahli Kad dari semasa ke semasa.

16.12 PERJANJIAN PENGGANTIAN
Semua perjanjian atau persetujuan terdahulu, jika ada, antara Bank dengan Ahli Kad, secara bertulis atau lisan, dengan ini terbatal dan digantikan oleh Perjanjian ini.

16.13 Bank hendaklah berhak (tetapi tidak diwajibkan) atas budi bicaranya, untuk bergantung pada atau bertindak atas apa-apa komunikasi, permintaan atau arahan yang pada pendapat Bank sendiri datang daripada Ahli Kad (sama ada secara lisan atau bertulis dan sama ada hadir sendiri atau melalui telefon, atau melalui faksimili atau telekomunikasi cara lain dan sama ada tulen atau dengan atau tanpa izin atau autoriti Ahli Kad), dan apa-apa tindakan yang diambil oleh Bank hendaklah tidak dipertanggungjawabkan kepada Ahli Kad atas apa-apa kehilangan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami olehnya akibat tindakan demikian. Bank hendaklah tidak di bawah apa-apa kewajipan untuk menentusahkan pengenalan mana-mana orang yang berkomunikasi secara pura-pura atau bagi pihak Ahli Kad.

16.14 Ahli Kad mestilah menanggung rugi dan tetap menanggung rugi Bank sepenuhnya terhadap apa-apa tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, kerugian, kerosakan, kos dan belanja apa-apa jenis pun (termasuk kos guaman atau pada asas indemniti) yang dialami, ditanggung atau dilibatkan oleh Bank, secara langsung atau tidak langsung, atas sebab atau berhubung dengan Perjanjian ini, termasuk tetapi tidak terhad pada:-
(a) apa-apa penggunaan atau salah guna Kad; dan/atau
(b) pelanggaran mana-mana peruntukan Perjanjian ini daripada pihak Ahli Kad dan/atau
(c) penguatkuasaan atau perlindungan hak dan remedi Bank terhadap Kad di bawah Perjanjian ini; dan/atau
(d) apa-apa perubahan dalam mana-mana undang-undang, peraturan atau arahan rasmi yang mungkin menjejaskan Akaun dan/atau Perjanjian ini.

16.15 Dengan ini, adalah dipersetujui dengan nyata di antara pihak-pihak kepada perjanjian ini bahawa sekiranya terdapat pertikaian, percanggahan atau perbezaan dalam terma dan syarat dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia perjanjian ini, terma dan syarat versi Bahasa Inggeris akan diterima pakai.

# PERKHIDMATAN PELANGGAN

## KAD HILANG

Jika kad hilang atau dicuri, hubungi 03-2176 8555 atau pergi ke bank ahli MasterCard yang terdekat untuk membuat laporan. Laporkan sebarang kehilangan atau kecurian Kad dengan serta-merta. Sekiranya terjadi sebarang kebocoran rahsia tentang nombor PIN anda, anda juga mesti melaporkannya dengan serta-merta. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Fasal 3 Perjanjian Ahli Kad.

## PERKHIDMATAN TELEFON 24 JAM

Untuk bantuan bagi masalah berkaitan dengan Kad di Malaysia, perkhidmatan pelanggan kami dibuka 24 jam sehari dengan menelefon 03-2176 8000.

PUBLIC BANK
(6463-H)
Excellence Is Our Commitment

PB Card Services, 10th Floor, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang,
P.O. Box 11722, 50754 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2176 8000  Fax: 03-2163 9400  E-mail: custsvc@publicbank.com.my